

30 MAR 2002

Kereta api

PEKERJA KTMB MAHU KERAJAAN AMBIL ALIH PENTADBIRAN SYARIKAT

Oleh: S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Bhd (RUM) telah memohon kerajaan mengambil balik urusan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) sebagai bidangkuasa mutlak kerajaan atau memindahkan KTMB dari sektor swasta ke sektor awam.

Menurut kesatuan itu, keputusan mendesak kerajaan itu dicapai sebulat suara oleh majlis exco kesatuan dalam mesyuaratnya dua minggu lepas.

"Kesatuan juga telah menghantar satu memorandum mengenai tuntutan ini kepada pejabat perdana menteri pada 20 Mac," presiden RUM Abdul Razak Mohamed Hassan memberitahu Bernama dalam satu temubual di sini.

KTMB selama empat tahun yang lalu ditadbir oleh Marak Unggul Sdn Bhd, sebuah konsortium yang merangkumi Renong Bhd, DRB Hicom, Bolton Bhd dan Jasa Meta Sdn Bhd.

Kerajaan bagaimanapun tidak memperbaharui kontrak penswastaan KTMB kepada Marak Unggul dan kontrak itu ditamatkan berkuatkuasa 31 Dis 2001.

"Keputusan itu tidak mengejutkan kesatuan dan kakitangan KTMB kerana telah menyedari bahawa sepanjang tempoh empat tahun, mulai pertengahan 1997 hingga 2001, didapati kepimpinan Marak Unggul tidak menghasilkan faedah dan kebaikan kepada negara dan pekerja," kata Abdul Razak.

Malahan kerajaan terus menanggung beban kewangan, khususnya dalam kes peyelarasan gaji dan bonus untuk kakitangan KTMB.

Beliau juga berkata sebaliknya dalam tempoh penguasaan Marak Unggul, banyak hal-hal yang bertentangan dengan terma dan syarat perkhidmatan telah berlaku secara terang-terangan bahkan ada kakitangan yang diberhentikan tanpa alasan yang kukuh.

Abdul Razak yang juga naib presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), berkata dalam usaha untuk mempertahankan hak pekerja yang berlandaskan perjanjian bersama, pihak kesatuan terpaksa menegur dan menjelaskan kebenaran, berulang kali semasa Marak Unggul memegang KTMB.

"Keraguan dan kebimbangan serta rasa kecewa telah dapat diredakan apabila kerajaan membuat pengumuman untuk menamatkan kontrak konsortium itu. Pengumuman itu membawa pengertian besar yang secara langsung boleh membawa manfaat kepada kesatuan khasnya dan pekerja KTMB amnya," katanya.

Dalam memorandum enam muka surat yang dihantar kepada Dr Mahathir, RUM berkata walaupun penswastaan adalah untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan, ia tidak bermakna sekiranya pihak peneraju sukar untuk mentadbir atau syarikat itu ditadbir hanya untuk tujuan kebaikan dan keuntungan pihak tertentu sahaja.

"Amalan mementingkan segelintir pihak tidak menggambarkan realiti sebagai kehendak dan aspirasi negara," menurut memorandum itu.

Memorandum itu menegaskan bahawa para pekerja KTMB sangat bernasib baik kerana kewibawaan kerajaan yang masih mempertahankan dan memegang saham istimewa dalam pengurusan KTMB yang membolehkannya mengambil alih syarikat itu.

Kesatuan itu berkata ia sedar bahawa hanya kerajaan sahaja yang mampu mentadbir KTMB, walaupun dijangka akan ada masalah kecil, tetapi permasalahan itu boleh diatasi.

Ia turut menekankan bahawa pemegang saham ke atas agensi kerajaan yang tidak boleh mengaut keuntungan akan mengalami masalah kewangan dan melahirkan krisis jangkamasa panjang yang akhirnya akan menjadi penyakit kepada kerajaan.

"Perkembangan yang tidak sihat ini perlu dihindarkan," menurut

memorandum itu. RUM mempunyai kira-kira 5,000 anggota.

-- BERNAMA

SR AZZ RON